



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 1/2014
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya jua kita dapat sama-sama melangkah ketahun baru Masihi 2014 dengan penuh kesyukuran, keredhaan dan kegembiraan. Sebagai warga perkhidmatan awam yang berperanan selaku tunjang dan nadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi bangsa adalah perlu bagi kita untuk mempertingkatkan lagi azam, semangat dan iltizam yang lebih tinggi bagi memperbaiki kelemahan, meningkatkan produktiviti dan membuat sebarang perubahan dan pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih terancang dan terarah bagi menanai mandat yang telah dipertanggungjawabkan bagi mencapai strategi tergaris dalam Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035.

Sepanjang tahun 2013, berbagai inisiatif telah berjaya dilaksanakan dimana kita telah dapat menyaksikan berbagai usaha pembaharuan dan penambahbaikan telah dan sedang dibuat oleh kementerian dan jabatan antara lainnya penggubalan dasar, perundangan dan peraturan-peraturan yang meliputi keugamaan, pendidikan, perekonomian, keselamatan dan kesejahteraan. Pencapaian ini adalah hasil daripada perancangan yang rapi oleh agensi-agensi yang berkenaan dan kerjasama yang padu antara Kementerian, Jabatan, sektor swasta, organisasi bukan kerajaan dan orang awam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda menjelang awal tahun 2014 menyeru untuk kita lebih bersemangat, kerja keras dan berusaha secara sepadu bagi meningkatkan lagi kegiatan sosio-ekonomi, menarik pelaburan asing, melaksanakan projek-projek usahasama dalam beberapa sektor, membuat lebih banyak pembaharuan yang diperlukan bagi memberikan perkhidmatan yang mudah, adil dan berkualiti kepada orang ramai dan komuniti bisnis. Seterusnya Baginda menekankan sektor awam, swasta dan orang awam hendaklah mendokong usaha kerajaan menjadikan Negara ini benar-benar pro-bisnis bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang dirancang dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-10. Baginda menitikberatkan peningkatan produktiviti di sektor awam dan swasta untuk diambil perhatian sewajarnya dan pengubalan segera dasar dan strategi perlu dilaksanakan bagi mencapai usaha menjana pertumbuhan ekonomi Negara, membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada anak tempatan di sektor swasta, memberikan latihan kemahiran yang bersesuaian kepada anak-anak tempatan dalam usaha memantapkan lagi tenaga manusia yang lebih berkualiti.

Demi untuk mencapai perubahan yang bermakna, warga perkhidmatan awam hendaklah mengambil langkah-langkah yang lebih pro-aktif, bersemangat kental, bersifat positif, berani bertanggungjawab, berfikir lebih jauh, bekerja secara berkumpulan bagi menghasilkan kerja secara holistik, lebih cemerlang dan berkualiti. Kita perlu bekerja keras dan banyak berfikir, bebas dan bersih dari segala gejala buruk, mempunyai azam yang kuat dan patriotik, dan tidak

1



mementingkan diri. Justeru itu, setiap faktor yang melemahkan perjalanan perkhidmatan awam perlulah diambil perhatian sewajarnya dengan mengambil langkah-langkah yang lebih berpatutan untuk memperbaikinya. Perancangan penggantian di setiap kementerian dan jabatan perlu diurus sebaiknya supaya jurang pemikir tidak terbantut, keputusan dapat dibuat secepatnya dan kekuatan kepimpinan terarah. Latihan dan perkembangan tenaga manusia hendaklah disusun dengan teratur meliputi kepentingan kompetensi yang diperlukan bagi membolehkan perancangan penggantian terlaksana dan meningkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan di dalam jentera kerajaan. Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi atau ICT perlu diketahui sejauh mana pencapaian sebenar perkhidmatan awam dalam bidang ini. Kita perlu lebih kritis dan objektif untuk mengetahuinya supaya ianya benar-benar membantu meningkatkan pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai dan berbaloi dengan jumlah perbelanjaan kewangan yang tinggi diperuntukan oleh kerajaan.

Warga perkhidmatan awam dan sektor swasta, harus berusahasama dalam membangun modal insan yang sarat dengan ilmu serta berkualiti, mencari jalan dalam mempelbagaikan ekonomi Negara, memperbaiki dan membangunkan sosio-ekonomi rakyat dan masyarakat. Kita perlu bersatu padu mengembelingkan tenaga dengan beridentitikan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai cara hidup seharian.

Perkhidmatan awam, sektor swasta dan orang awam mestilah membulatkan azam dan komited bagi sama-sama mendokong usaha melaksanakan 'Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah'. Warga perkhidmatan awam perlulah mengetahui perundangan tersebut dengan kefahaman yang baik untuk menyampaikan dan menyebarkanluaskannya dengan jelas kepada orang awam mengenai kebaikannya untuk memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam. Tidak ada yang perlu dikhuatirkan atau diragukan terhadap kemuliaan dan keadilan perintah Allah Subhanahu Wata'ala, malah ianya menjamin kesejahteraan untuk Negara dan seisinya. Oleh itu kita setentunya telah bersedia sekarang untuk mendokong dan mempertahankan usaha mulia ini demi untuk merealisasikan Negara Zikir, semata-mata untuk mendapat keredhaan Nya jua.

Dalam kita memperkemaskan usaha pembaharuan bagi tahun 2014, kita hendaklah mempertingkatkan lagi usaha-usaha dalam memudahkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dengan mengamalkan sikap kerja yang tidak mengenal lelah. Sebagai jentera kerajaan, perkhidmatan awam mestilah berfikiran jauh dengan membuat pembaharuan atau perubahan yang bersandarkan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif, bekerjasama, nilai-nilai murni yang luhur dan etika kerja yang positif serta mempunyai integriti untuk memelihara imej dan kredibiliti perkhidmatan awam dan mencapai produktiviti yang tinggi.

2



Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita akan sentiasa dirahmati dan diberkati demi meningkatkan taraf kesejahteraan, kemakmuran serta keamanan Negara ini.

Selamat Tahun Baru 2014
"BERSATU KE ARAH NEGARA ZIKIR"

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (01)JPM/SK/2014
Tarikh : 19 Rabiulawal 1435
21 Januari 2014